

PENGARUH SOKONGAN ORGANISASI DAN KEUPAYAAN MENGUNAKAN TEKNOLOGI TERHADAP NIAT MENGUNAKAN E-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI KAWASAN LUAR BANDAR SABAH

THE INFLUENCE OF ORGANISATIONAL SUPPORT AND THE ABILITY TO USE TECHNOLOGY ON THE INTENTION TO USE E- LEARNING AMONG RURAL AREAS PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN SABAH

Avalynn Eusebio¹
Kee. Y. Sabariah Kee Mohd Yussof¹

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, (E-mail: avalynneusebio.mrc@gmail.com)

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, (Email: keesabariah@ums.edu.my)

Article history

Received date : 13-10-2023
Revised date : 14-10-2023
Accepted date : 26-11-2023
Published date : 29-12-2023

To cite this document:

Eusebio, A., & Kee Mohd Yussof, K. Y. S. (2023). Pengaruh sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi terhadap niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di kawasan luar bandar Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 328 – 344.

Abstrak: Sejajar dengan matlamat Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk membendung cabaran pandemik COVID-19, pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperkenalkan sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian dengan kaedah secara tidak bersemuka menggunakan peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) secara meluas kerana aktiviti PdP terpaksa ditangguhkan serta merta disebabkan kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Walau bagaimanapun keadaan ini boleh mengakibatkan guru-guru mengalami teknostress kerana mengalami perubahan secara mendadak sekaligus mempengaruhi niat menggunakan pembelajaran dalam talian lebih-lebih lagi bagi guru-guru yang berada di luar bandar. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif dan merupakan kajian rintis yang melibatkan 37 orang guru yang terdiri daripada guru sekolah rendah di luar bandar, Sabah. Analisis regresi mudah digunakan untuk melihat pemboleh ubah sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi dan pengaruhnya terhadap niat menggunakan e-pembelajaran. Berdasarkan analisis deskriptif, tahap sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi dalam kalangan guru di seluruh Sabah adalah sederhana. Hasil kajian ini mendapati wujud pengaruh yang signifikan di antara sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi dengan niat menggunakan e-pembelajaran. Ini menunjukkan guru akan mengalami tekanan untuk mempraktikkan e-pembelajaran jika kurang mendapatkan sokongan daripada organisasi sekolah untuk menggunakan teknologi walaupun mempunyai kemahiran yang tinggi tetapi jika persekitaran tempat kerja kurang memuaskan turut mempengaruhi niat guru untuk menggunakan teknologi

dalam PdP. Sokongan organisasi juga penting jika guru tidak diberi sokongan, mereka mudah mengalami teknostress dalam menggunakan pembelajaran dalam talian. Oleh itu, motivasi dan sokongan organisasi serta kemahiran menggunakan teknologi sangat penting agar tidak ada golongan guru yang mengalami tekanan kerja dan memberi kesan kepada mutu pengajarannya terhadap murid-murid.

Kata Kunci: Sokongan Organisasi, Keupayaan Menggunakan Teknologi, E-Pembelajaran, Guru, Luar Bandar

Abstract: *Aligning with the National Recovery Plan in curbing the COVID-19 pandemic challenges, various initiatives have been implemented to introduce online teaching and learning systems with non-face-to-face methods using Information and Communication Technologies (ICT). It was widely implemented due to the immediate suspension when the government declared a Movement Control Order (MCO) on 18th March 2020. However, this situation caused technostress to the teachers because of the drastic changes and it influenced the intention of using online learning, especially among the teachers in the rural area. This study implemented a quantitative approach and it is also a pilot study involving 37 teachers of the primary schools in rural areas of Sabah. Simple regression analysis was employed to study the organisational support and capability of using technology variables and their influences on the intention of using e-learning. Based on the descriptive analysis, the level of organisational support and capability of using technology among teachers all over Sabah is average. The findings of this study found a significant influence between organisational support and the capability of using technology to use e-learning. This indicates that teachers experienced pressures in practicing e-learning if they received less organisational support from the school's administration to use the technology even though they were highly skilled. Other than that, if the work environment is unsatisfactory, it also influences teachers' intention to utilise technology in teaching and learning. The organisational support is essential as if the teachers are not supported, they are easily experience technostress in applying online learning. Thus, motivation and organisational support, as well as skills in using technology, are essential so that there will be no teachers experiencing work stress and influencing their teaching quality to the students.*

Keywords: *Organisational Support, Capability of Using Technology, E-learning, Teacher, Rural Area*

Pengenalan

Ledakan teknologi maklumat dalam era Revolusi Industri 4.0 ini telah meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara ke arah yang lebih holistik dan dinamik. Senario ini telah membawa kepada pelancaran inisiatif pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) secara rintis pada tahun 2014 dan pelaksanaannya telah diperluaskan ke seluruh negara bermula pada tahun 2015 sehingga kini (Norazlin & Siti, 2019). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai inisiatif terbaharu untuk mewujudkan sebuah persekitaran pembelajaran lebih moden dan berkesan selaras dengan konsep PAK21 (Noor *et.al*, 2019). Sehubungan itu, penerapan pelbagai medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) haruslah dipraktikkan bermula di sekolah rendah lagi untuk memperkasa potensi diri pelajar sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Dalam menyahut saranan KPM tersebut, organisasi sekolah di seluruh negara memikul tanggungjawab untuk memastikan guru dapat melaksanakan pembaharuan dalam kaedah pengajaran mereka khususnya dalam penggunaan *e-pembelajaran*. Menurut Eisenberger *et.al* (1986) dalam penulisan Ying (2016) ada menyatakan bahawa organisasi yang memberikan sokongan dan prihatin terhadap pekerja dapat meningkatkan perilaku positif pekerja. Dalam pada itu, organisasi sekolah seharusnya prihatin dan menyokong keperluan guru berkaitan dengan penggunaan *e-pembelajaran* dalam PdP harian agar profesionalisme guru lebih diyakini oleh masyarakat. Namun begitu, masih ada segelintir pihak organisasi sekolah yang tidak prihatin terhadap keperluan guru dalam penggunaan *e-pembelajaran*. Contohnya tidak menyediakan peralatan dan kemudahan teknologi untuk memudahkan guru melaksanakan *e-pembelajaran* (Ravell, 2015). Perkara ini akan memberi kesan kepada prestasi kerja guru dan secara tidak langsung menyebabkan perkembangan pembelajaran murid terbatas. Pembaharuan dalam kaedah mengajar turut mencabar tahap keupayaan guru menggunakan teknologi dalam PdP. Menerusi kajian Noradilah dan Lai (2019), beliau menjelaskan penggunaan teknologi dalam pengajaran masih sukar diterima oleh ramai guru kerana mereka sudah terbiasa dengan cara mengajar sedia kala. Sesungguhnya pekerjaan sebagai seorang guru sentiasa akan berhadapan dengan pelbagai situasi sama ada dalam persekitaran tempat kerja, kareh organisasi sekolah, tahap kemahiran dan juga tanggungjawab dalam bilik darjah yang mungkin menyebabkan mereka sukar untuk menanam niat untuk menggunakan *e-pembelajaran*. Maka sokongan organisasi sekolah dan keupayaan menggunakan teknologi dilihat cenderung untuk memberi kesan terhadap niat guru untuk menggunakan *e-pembelajaran*. Akibat daripada permasalahan ini, kajian rintis ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi terhadap penggunaan *e-pembelajaran* dalam kalangan guru.

Permasalahan Kajian

Penularan wabak Covid-19 yang tercetus di Malaysia pada tahun 2020 telah menyebabkan penutupan semua sekolah secara mendadak. Di sebalik krisis tersebut, ternyata pembelajaran dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan cabaran bagi guru dalam memperjuangkan kelangsungan pendidikan negara. Hal ini disebabkan oleh faktor seperti masalah rangkaian internet yang dihadapi oleh ibu bapa dan pelajar terutamanya di kawasan luar bandar. Menurut Kirin *et.al* (2020) pandemik Covid-19 telah menyebabkan pembelajaran dalam talian atau *e-pembelajaran* telah menjadi bahagian penting dalam pendidikan. Dengan mengambil kira kesediaan teknologi dan tenaga kerja di kawasan luar bandar, keputusan untuk menukar mod pendidikan kepada atas talian telah dipersoalkan.

Perubahan kaedah PdP daripada mod bersemuka kepada atas talian atau *e-pembelajaran* ini menjadi sebuah norma baru pendidikan era Covid-19. Guru tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menggunakan *e-pembelajaran* dalam pelaksanaan PdP dan tugas-tugas harian sekolah. Bagi guru di sekolah luar bandar, pelaksanaan *e-pembelajaran* sukar untuk dipraktikkan tuntutan persekitaran sekolah yang serba sederhana baik dari segi pentadbiran sekolah mahupun cara mengajar guru. Namun begitu, organisasi sekolah sama ada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ataupun ahli pentadbir sekolah yang terdiri daripada guru besar serta pengetua di sekolah luar bandar tidak pernah mengabaikan keperluan guru, malahan sentiasa berusaha untuk melaksanakan sebarang pembaharuan walaupun terdapat halangan dari segi persekitaran sekolah. Situasi ini telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji mengenai sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi guru sekolah luar bandar secara lebih mendalam.

Seterusnya, masalah berkaitan dengan rangkaian internet merupakan isu yang sering menjadi penghalang untuk mempraktikkan *e-pembelajaran* di luar bandar. Berdasarkan kajian Kumar *et.al* (2019), ketidakstabilan kualiti rangkaian internet di kawasan sekolah di luar bandar menyebabkan ramai guru tidak mampu melaksanakan PdP berasaskan teknologi. Sejajar itu, beliau turut mendapati bahawa terdapat jurang penggunaan teknologi dalam PdP di antara sekolah bandar dan luar bandar. Losius *et.al* (2020) dalam kajiannya, cabaran rangkaian internet dalam *e-pembelajaran* ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu lokasi guru ketika melayari internet, tempat tinggal guru, langganan pelan internet murid telah tamat tempoh dan murid tidak memiliki telefon pintar. Pelanjutan tempoh PKP telah memberi kesan kepada proses PdP, kerana pembelajaran dalam talian sudah menjadi suatu keperluan bagi generasi masa kini. Guru melengkapkan diri dengan kebolehan teknologi maklumat, penilaian dan juga ilmu pengajaran. Maka, pelbagai perkara yang perlu dititikberatkan terutamanya hal yang melibatkan pelajar. Pelbagai isu wujud terutamanya ialah akses capaian internet dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, guru juga perlu menetapkan kaedah PdP yang bersesuaian jika terdapat pelajar yang mempunyai masalah sebegini.

Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu:

1. Mengkaji pengaruh sokongan organisasi dan hubungannya dengan niat menggunakan *e-pembelajaran* dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar Sabah.
2. Mengkaji tahap keupayaan menggunakan teknologi dan hubungannya dengan niat menggunakan *e-pembelajaran* dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar Sabah.

Kajian Literatur

Sokongan Organisasi

Menurut Eisenberger *et.al* (1986), sokongan organisasi merujuk kepada penghargaan dan sifat mengambil berat terhadap kesejahteraan pekerja dalam organisasi tersebut. Beliau turut menjelaskan bahawa pujian serta penghargaan terhadap hasil kerja yang dilakukan oleh pekerja secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi mereka dalam mencapai matlamat organisasi. Yang (2023) menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat di antara teori sokongan organisasi dan model TAM iaitu penerimaan teknologi dalam mempengaruhi pekerja menggunakan teknologi dalam pekerjaan. Apabila organisasi memberikan sokongan seperti menyediakan kemudahan, menyediakan polisi yang sesuai, menyediakan latihan dan pembangunan serta program yang berkaitan dengan *e-pembelajaran* dan teknologi maka ia membantu pekerja menerima teknologi dengan mudah. Sementara itu, kajian Nijhawan *et.al* (2022) menegaskan sokongan organisasi yang tinggi akan mewujudkan perasaan bertanggungjawab untuk memberi balasan/timbal balik kepada organisasi, ia meningkatkan prestasi pekerja, menjadikan pekerja mencapai kualiti kerja, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pekerjaan. Pekerja yang merasakan sokongan baik daripada pihak organisasi akan berasa lebih selamat untuk bekerja serta memiliki kesungguhan dalam penglibatan kerja mereka (Park *et.al*, 2020). Berdasarkan kajian terdahulu, contoh sokongan organisasi adalah penyediaan ruang dan kemudahan bekerja yang kondusif, memberi peluang kepada pekerja untuk meningkatkan kualiti dan kemahiran sendiri dan jadual kerja yang fleksibel serta tidak membebankan pekerja (Naujokaitiene *et.al*, 2015; Yang, 2023).

Era Revolusi Industri 4.0 ini membawa pelbagai perubahan kepada persekitaran kerja dan secara tidak langsung wujud pelbagai tekanan yang mampu menjejaskan mental, penglibatan dan prestasi pekerja. Maka, sokongan organisasi adalah umpama tulang belakang untuk

mengekalkan pekerja di dalam organisasi (Ummi *et.al*, 2021). Manakala, Rozaini, Norailis dan Aida (2015) menjelaskan sokongan organisasi akan melahirkan pekerja yang bermotivasi, berdedikasi, setia dan bersemangat merupakan cerminan utama sebuah organisasi yang berdaya maju. Pernyataan ini telah disokong oleh Moghli (2015) dalam kajiannya dimana kunci kejayaan sesebuah organisasi itu terletak pada pekerjaannya yang berupaya mengendalikan kesemua aktiviti di dalam organisasi tersebut.

Terdapat kajian terdahulu yang memberi fokus kepada sokongan organisasi kepada komitmen kerja khususnya dalam bidang pendidikan. Kajian yang dijalankan oleh Ooi dan Aziah (2015) menjelaskan faktor penghargaan daripada pihak organisasi sekolah menjadi salah satu penyumbang kepada beban tugas dan komitmen kerja guru. Selain itu, kajian Nurul dan Azlin (2017) menunjukkan guru besar iaitu bahagian tertinggi dalam organisasi sekolah rendah memainkan peranan yang tinggi sebagai pemimpin dan pembimbing guru untuk meningkatkan prestasi sekolah. Justeru, corak PdP guru di sekolah rendah dapat diperbaiki dengan amalan yang lebih efisien. Selain itu, Komathy, Jamal dan Marina (2020) mendapati majoriti guru iaitu 84.5% daripada 131 orang guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan menyatakan bahawa sokongan pihak pentadbir sekolah menjadi faktor utama guru bersemangat dalam pengaplikasian *Whatsapp* di sekolah.

Keupayaan Menggunakan Teknologi

Menurut Saveri (2003), keupayaan menggunakan teknologi merujuk kebolehan seseorang dalam mengendalikan teknologi dalam kehidupan seharian. Hazura *et.al* (2012) pula mentakrifkan keupayaan menggunakan teknologi sebagai kemahiran literasi digital yang dapat menyumbang kepada peningkatan daya kreativiti dan inovasi seseorang individu. Dengan memiliki keupayaan menggunakan teknologi dalam aktiviti seharian, taraf kehidupan individu tersebut dapat dipertingkatkan (Bosamia, 2013). Hal ini demikian kerana pelbagai tugas yang rumit dan kompleks mampu diselesaikan dengan mudah menerusi penggunaan teknologi semasa. Kajian yang dijalankan oleh Muhamad (2006) turut mendapati bahawa individu yang mempunyai keupayaan menggunakan teknologi adalah mereka yang telah melalui proses sosial daripada fenomena teknologi semasa.

Kemajuan teknologi memberi banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat masa kini, tetapi tidak semua lapisan masyarakat mempunyai persepsi sedemikian. Caprani *et.al* (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat perbezaan ketara terhadap keupayaan menggunakan teknologi mengikut kategori umur. Beliau mendapati bahawa golongan berumur tidak terlalu mahir dalam menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka jika dibandingkan dengan golongan muda. Sejajar dengan itu, beliau menyimpulkan faktor minat merupakan faktor utama kepada permasalahan tersebut. Walaupun golongan berumur memiliki komputer riba, telefon pintar dan kemudahan rangkaian internet, mereka tidak mempunyai keinginan untuk mempelajari penggunaan teknologi tersebut secara mendalam. Tambahan lagi, Siti (2016) menjelaskan golongan berumur tidak mempunyai minat dalam menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks pendidikan, kemajuan teknologi semasa mempunyai potensi untuk mewujudkan persekitaran PdP yang lebih kondusif dan berkesan terhadap perkembangan diri murid (Joshua & Fitri, 2020). Melihat kepada potensi teknologi ini, pendidik seharusnya mahir dan berpengetahuan dalam mengendalikan teknologi semasa lebih-lebih lagi dalam pelaksanaan PdP di sekolah. Menurut Qistina dan Hazman (2010), penguasaan pengetahuan ICT merupakan prasyarat bagi seorang guru untuk menguasai lebih banyak ilmu pengetahuan pada zaman

globalisasi ini. Sejalan itu, guru yang memiliki pengetahuan ICT berupaya menggunakan teknologi dalam melaksanakan tanggungjawab dengan baik sama ada di dalam atau luar waktu persekolahan.

E-Pembelajaran

E-pembelajaran atau e-learning merupakan satu inovasi dalam PdP bagi memenuhi keperluan generasi era globalisasi masa kini. Menurut Zahiah dan Abdul (2010), e-pembelajaran dikenali sebagai m-pembelajaran atau *mobile learning* iaitu satu kaedah pendidikan sepanjang hayat dimana pendidikan secara jarak jauh (PJJ) yang diintegrasikan oleh jaringan elektronik dan konsep elektronik pembelajaran. Chitra dan Raj (2018) memberi takrifan bahawa huruf “e” dalam *e-pembelajaran* merujuk kepada perkataan “*elektronik*”. Maka beliau menyimpulkan istilah e-pembelajaran adalah merangkumi semua aktiviti PdP secara atas dan luar talian yang dijalankan sama ada secara *synchronously* atau *asynchronously* menerusi peranti elektronik. Tangaiah *et.al* (2020) dalam kajiannya pula menjelaskan, *e-pembelajaran* sebagai satu medium pembelajaran yang menyediakan kemudahan pembelajaran kepada pengajar dan pelajar yang dilengkapi dengan pelbagai penggunaan teknologi terkini seiring dengan peredaran masa.

Penggunaan e-pembelajaran semakin meningkat dari semasa ke semasa sehingga mencetuskan persepsi warga pendidik mengenai impak TMK dalam meneraju sistem pendidikan negara yang bertaraf antarabangsa. Dalam kajian Muzafar dan Hasmadi (2019), e-pembelajaran adalah pembelajaran yang bersifat sendiri, terbuka, fleksibel dan bertebaran menerusi penggunaan internet dan gajet terkini menyebabkan medium ini semakin popular digunakan di negara-negara maju. Hal ini telah diketengahkan oleh Yusup Hshim (2012), di mana pedagogi dalam e-pembelajaran meliputi *online learning*, *distance learning*, *blended learning*, *face to face*, *web-based learning*, *individual learning*, *computer-aided instruction*, *network learning* dan *interactive learning*.

Model TAM

Model TAM merujuk kepada *Technology Accaptance Model* (TAM) yang diperkenalkan oleh Fred D. Davis pada tahun 1989 di mana penggunaannya sering dipraktikkan dalam kajian yang berkaitan dengan sikap penerimaan teknologi oleh pengguna (Ma & Liu, 2005). King dan He (2006) dalam kajiannya menyatakan Davis (1986) mencadangkan Model TAM untuk menerangkan potensi sikap pengguna untuk menggunakan inovasi teknologi. Dalam kajian Mohd *et.al* (2020) mengenai *The Evolution of the Technology Acceptance Model (TAM)*, secara teoritikalnya model TAM adalah berdasarkan *Theory of Reasoned Action* (TRA) dan *Theory of Planned Behaviour* (TPB). Model TRA memberi penekanan terhadap kepercayaan yang akan mempengaruhi sikap dan seterusnya membawa niat yang akan menjana tingkah laku. Sehubungan dengan itu, Davis (1989) telah memperkenalkan dua konstruk utama model TAM iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna (Sazanah & Ahmad, 2019). Kedua-dua konstruk tersebut mempunyai hubungan dengan sikap pengguna (King & He, 2006).

Konstruk tanggapan kebergunaan atau *perceived usefulness* (PU) merujuk kepada pengguna percaya dengan menggunakan teknologi atau sistem tersebut akan meningkatkan prestasi kerja (Sazanah & Ahmad, 2019). Menurut Davis (1989) dalam kajian Mohd Shobi Ishak (2014), tanggapan kebergunaan ialah tahap dimana kepercayaan bahawa menggunakan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi individu, manakala tanggapan mudah guna atau *perceived ease of use* (PEOU) pula merujuk kepada tahap dimana seseorang percaya bahawa menggunakan sesuatu itu tidak memerlukan usaha yang sungguh-sungguh.


Kajian Lepas Mengenai Sokongan Organisasi dan Keupayaan Menggunakan Teknologi Terhadap Niat Menggunakan *E-Pembelajaran*

Kajian terdahulu mendapati masih ramai guru tidak berkeyakinan untuk menggunakan e-pembelajaran dalam proses PdP. Dalam kajian Noraini *et.al* (2013), guru yang masih meragui tahap kebergunaan sesebuah teknologi itu akan mempengaruhi niat mereka untuk menggunakan teknologi dalam PdP. Menurut Sern *et.al* (2017), ramai guru terutamanya di sekolah luar bandar tidak menyambut baik akan sebarang pembaharuan dalam kaedah mengajar terutamanya apabila melibatkan teknologi. Tanggapan awal guru yang kurang baik mengenai teknologi dalam pendidikan ini secara tidak langsung menyebabkan e-pembelajaran sukar untuk diimplementasikan secara berterusan dalam PdP.

Ravell (2015) dalam kajiannya pula mendapati sokongan organisasi sekolah mampu mempengaruhi niat guru untuk menggunakan e-pembelajaran dalam PdP. Jika organisasi menyediakan alat dan kemudahan teknologi di sekolah, guru akan lebih berminat untuk menggunakan e-pembelajaran. Selain itu, kajian Mei *et.al* (2017) menunjukkan kelemahan organisasi dalam konteks pengetahuan pendidikan dunia digital memberi kesan terhadap kepimpinan dan sokongan kepada guru di sekolah. Bagi guru organisasi sekolah dianggap sebagai sumber rujukan kepada sebarang pembaharuan dalam PdP harian mereka.

Perubahan mendadak corak pendidikan kepada hibrid agar selari dengan norma baru negara menimbulkan keresahan dalam kalangan guru kerana mereka terpaksa melaksanakan PdP secara atas talian iaitu e-pembelajaran tanpa sebarang manual dan kemahiran. Wong dan Khairul (2021) dalam kajiannya mendapati isu kompetensi guru dalam pengetahuan teknologi menyebabkan mereka sukar untuk melaksanakan e-pembelajaran dalam norma baru. Bertitik tolak daripada isu tersebut, e-pembelajaran menuntut guru untuk menguasai pedagogi digital secara menyeluruh demi kelangsungan pendidikan negara (Venessa & Nurfaradilla, 2020). Kajian yang dijalankan Rohani Ghani (2021) mendapati tuntutan semasa yang memerlukan guru menggunakan platform atas talian dan media sosial menjadi penyumbang kepada kemerosotan minat untuk mengendalikan PdP norma baru antaranya menerusi *e-pembelajaran*. Selain itu, kajian Angelia dan Khairul (2022) menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh guru ialah faktor ekonomi, tahap pengetahuan guru dalam TMK rendah, masalah capaian internet, tekanan kerja guru, masalah disiplin murid dan kurang sokongan daripada ibubapa dalam pembelajaran merupakan masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan kaedah e-pembelajaran di sekolah luar bandar. Kajian yang dijalankan oleh Wong dan Khairul (2021) juga mendapati cabaran utama yang dihadapi oleh guru dan pelajar ialah capaian internet dan juga kemahiran guru dalam penggunaan ICT. Manakala ibu bapa pula menghadapi masalah kehabisan data telefon dan seterusnya menyebabkan isu kewangan bagi golongan keluarga B40. Akhir sekali, kajian Norehan dan Mahaliza (2021) mendapati cabaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah terutamanya dalam menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi adalah amat tinggi Hal ini demikian kerana, guru perlu memantapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang selaras perkembangan pada masa kini. Perkembangan teknologi dengan pelbagai aplikasi memerlukan guru memberikan komitmen masa dan wang untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran diri. Motivasi dan semangat guru perlu dikekalkan untuk terus mendidik murid-murid serta berusaha untuk mengatasi permasalahan atau kekangan yang dihadapi sewaktu melaksanakan PdP atau PdPR. Berdasarkan kajian lepas yang membincangkan faktor sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi terhadap niat menggunakan e-pembelajaran telah membuka ruang kepada kajian ini mengkaji hubungan antara faktor tersebut dengan niat menggunakan e-pembelajaran. Berikut merupakan kerangka

konseptual yang dihasilkan bagi melihat perkaitan antara pemboleh ubah dan niat menggunakan e-pembelajaran.



Rajah 1 : Hubungan Sokongan Organisasi dan Keupayaan Menggunakan Teknologi Terhadap Niat Menggunakan E-Pembelajaran

Hipotesis Kajian

- Ho1: Sokongan organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan e- pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar.
- Ho2: Keupayaan menggunakan teknologi menggunakan teknologi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah.

Metodologi Kajian

Kajian rintis ini melibatkan 37 orang guru sekolah, terdiri daripada guru sekolah menengah dan sekolah rendah di Sabah. Kajian rintis bertujuan untuk mengesan masalah atau kekurangan dari segi item soal selidik supaya proses penambahbaikan boleh dilakukan sebelum meneruskan penyelidikan yang sebenar. Kajian Junyong In (2017), Berawi (2017) menyatakan bahawa beberapa kajian mengesyorkan untuk menggunakan lebih 30 sampel setiap kumpulan dan ada juga yang mencadangkan 12 setiap kumpulan. Saiz sampel yang sesuai perlu ditentukan, bukan untuk menyediakan kuasa yang sesuai untuk ujian hipotesis, tetapi untuk memahami kebolehlaksanaan pengambilan peserta atau reka bentuk kajian. Kertas kerja ini merupakan kajian rintis yang bertujuan menguji nilai realibiliti instrumen yang digunakan, agar kajian lanjut dalam skop yang lebih luas dapat dilakukan. Oleh yang demikian, penggunaan sebanyak 37 sampel sudah memadai. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengadaptasi instrumen teknostress dan instrumen niat menggunakan PdP dalam talian daripada Ion *et. al.*, (2020). Semua item ini diukur pada tahap individu dan berdasarkan skala likert lima (5) mata di mana 1= sangat tidak setuju hingga 5= sangat setuju. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1, faktor sokongan organisasi mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.841, manakala bagi faktor keupayaan menggunakan teknologi pula mempunyai nilai kebolehpercayaan 0.871. Dalam konteks kajian ini, nilai kebolehpercayaan 0.8 hingga 1 menunjukkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi, manakala nilai 0.6 hingga 0.7 pula mempunyai nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima dan nilai yang kurang dari 0.6 adalah lemah menurut Sekaran & Bougie (2010). Oleh itu, item yang digunakan dalam

mengukur pengaruh sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi terhadap niat menggunakan e-pembelajaran adalah sesuai dan boleh digunakan untuk analisis selanjutnya.

Jadual 1: Keputusan analisis ujian kebolehpercayaan

Faktor	Jumlah Item	Nilai Alpha (α)
Keupayaan menggunakan teknologi	10	0.871
Teknostress	15	0.867
Motivasi dalaman	7	0.806
Motivasi luaran	3	0.740
Sokongan organisasi dan teknikal	13	0.841
Niat menggunakan PdP dalam talian	8	0.873

Berdasarkan Jadual 2, analisis demografi responden kajian yang terdiri daripada guru, menunjukkan guru wanita merupakan responden paling ramai dengan peratus sebanyak 70.3 peratus. Manakala guru lelaki diwakili sebanyak 29.7 peratus. Seterusnya, peratusan tahap pendidikan dalam kalangan responden bagi Ijazah Sarjana Muda diwakili sebanyak 86.5 peratus juga merupakan peratusan paling tinggi yang diwakili oleh responden. Bagi Diploma pula peratusan adalah sebanyak 10.8 peratus dimana merupakan peratusan tertinggi selepas Ijazah Sarjana Muda. Bagi Ijazah Sarjana pula adalah sebanyak 2.7 peratus sahaja.

Jadual 2: Demografi Responden

Ciri-ciri Umum Responden	Ciri-Ciri Khusus Responden	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	11	29.7
	Perempuan	26	70.3
Tahap Pendidikan	Diploma	4	10.8
	Ijazah Sarjana Muda	32	86.5
	Ijazah Sarjana	1	2.7
	Doktor Falsafah (PhD)	0	0
Umur	21-30 tahun	6	16.2
	31-40 tahun	8	21.6
	41-50 tahun	15	40.5
	51-60 tahun	8	21.6
	60 tahun dan ke atas	0	0
Status Perkahwinan	Bujang	7	18.
	Berkahwin	29	78.4
	Lain-lain	1	2.7
Tempoh Perkhidmatan	1-5 tahun	6	16.2
	6-10 tahun	3	8.1
	11-15 tahun	8	21.6
	16-20 tahun	10	27.0
	21-25 tahun	4	16.8
	26-30 tahun	5	13.5
	30 ke atas	1	2.7
Bangsa	Melayu	8	83.3
	Cina	0	0
	India	0	0
	Bumiputera	28	16.7
	Lain-lain	1	2.7

Sekolah	Sekolah Rendah	28	75.7
	Sekolah Menengah	9	24.3
Daerah	Beaufort	7	18.9
	Beluran	8	21.6
	Keningau	2	5.4
	Kinabatangan	1	2.7
	Kudat	1	2.7
	Nabawan	1	2.7
	Pitas	1	2.7
	Sandakan	1	2.7
	Tambunan	1	2.7
	Tawau	6	16.2
	Tuaran	8	21.6

Sementara itu, peratusan umur dalam kalangan responden bagi 41-50 tahun dengan peratusan sebanyak 40.5, manakala umur 31-40 tahun dan 51-60 tahun dengan peratusan yang sama sebanyak 21.6. Bagi umur 21-30 tahun mencatatkan peratusan iaitu 16.2 peratus. Dalam pada itu, bagi status perkahwinan, status berkahwin sebanyak 78.4 peratus, manakala peratusan bujang adalah 18.9 dan status lain-lain sebanyak 2.7 peratus. Dalam waktu yang sama, peratusan responden bagi bangsa pula untuk Melayu adalah yang paling tinggi sebanyak 83.3 peratus, kedua tertinggi merupakan bangsa bumiputera dimana peratusan adalah sebanyak 16.7 dan bangsa lain-lain hanya memiliki 2.7 peratus. Seterusnya, bagi sekolah pula sekolah kebangsaan memiliki peratusan yang paling tinggi dimana peratusan yang dimiliki iaitu sebanyak 75.7 peratus, manakala bagi sekolah menengah hanya memiliki 24.3 peratus sahaja. Di samping itu, Kinabatangan, Kudat, Nabawan, Pitas, Sandakan dan Tambunan memiliki peratusan rendah yang sama iaitu masing-masing sebanyak 2.7 peratus. Bagi daerah Keningau peratusan adalah sebanyak 5.4 peratus. Daerah Beaufort dan Tawau mengalami sedikit perbezaan yang mana Beaufort memiliki peratusan sebanyak 18.9 dan Tawau 16.2 peratus. Lain daripada itu, peratusan daerah yang paling tinggi dimiliki oleh daerah Beluran dan Tuaran iaitu sebanyak 21.6 peratus.

Jadual 3: Purata Min Terhadap Tahap Keupayaan Menggunakan Teknologi Dan Niat Menggunakan PdP Atas Talian

Pemboleh ubah	Sokongan Organisasi Dan teknikal	Keupayaan Menggunakan Teknologi	Niat mengguna PdP Atas Talian
Nilai min	3.2228	3.454	3.1419
Sisihan piawai	.92730	.54122	.66547
Tahap	Sederhana	Sederhana	Sederhana

Jadual 3, menerangkan purata min tahap sokongan organisasi, keupayaan menggunakan teknologi dan niat menggunakan PdP atas talian ataupun *e-pembelajaran*. Mohd Najib (1999) menyatakan min boleh dikategorikan mengikut tahap berikut iaitu min 1.00-2.33 adalah rendah, 2.34-3.67 adalah sederhana dan 3.68-5.00 adalah tinggi. Berdasarkan jadual tersebut, didapati sokongan organisasi (nilai min = 3.22), keupayaan menggunakan teknologi menggunakan PdP dalam talian (nilai min = 3.45) dan niat menggunakan PdP (nilai min = 3.1419) berada pada tahap sederhana, yang mendorong kepada penggunaan e-pembelajaran. Tujuan mencari purata min ialah menilai tahap keupayaan menggunakan teknologi dalam kalangan responden. Maka, tahap keupayaan menggunakan teknologi dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar

sabah berada pada tahap sederhana. Begitu juga dengan tahap sokongan organisasi dan niat menggunakan pdp atas talian dimana masing-masing berada pada tahap yang sederhana.

Tahap keupayaan menggunakan teknologi adalah sederhana kerana guru sering menggunakan teknologi untuk berinteraksi dengan rakan sekerja atau pelajar iaitu seramai 31 orang responden bersamaan dengan 84 peratus bersetuju, 7 orang responden bersamaan dengan 19 peratus tidak bersetuju dan selebihnya adalah tidak pasti. Selain itu, terdapat 16 orang responden iaitu bersamaan dengan 43 peratus bersetuju bahawa mereka dapat membantu pelajar menggunakan teknologi dalam Pdp atas talian. Namun terdapat 14 orang responden bersamaan dengan 38 peratus tidak bersetuju yang mereka boleh membantu pelajar menggunakan teknologi atas talian dan selebihnya adalah tidak pasti iaitu 7 orang bersamaan dengan 19 peratus.

Secara keseluruhannya, guru yang mempunyai tahap keupayaan menggunakan teknologi yang sederhana menyebabkan mereka tidak mempunyai niat yang tinggi untuk menggunakan e-pembelajaran dalam Pdp harian. Hal ini mungkin disebabkan kekurangan pendedahan daripada organisasi sekolah, tidak ada manual atau panduan yang jelas untuk mengendalikan teknologi. Guru sentiasa menggunakan teknologi dalam aktiviti harian iaitu untuk tujuan komunikasi menjadikan guru mempunyai serba sedikit pengetahuan berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam Pdp.

Jadual 4: Keputusan Analisis Regresi Mudah Di Antara Model Sokongan Organisasi Dan Teknikal Serta Keupayaan Menggunakan Teknologi Terhadap Niat Menggunakan E-Pembelajaran

Model	R	R ²	R ² Terlaras	F	Sig
1	.613a	.375	.339	10.214	.000

a. Peramal: (Tetap), Sokongan organisasi dan teknikal, keupayaan menggunakan teknologi
 b. Pemboleh ubah Bersandar: Niat Menggunakan e-pembelajaran

Jadual 5: Pengaruh Di Antara Model Keupayaan Menggunakan Teknologi Dan Sokongan Organisasi Dan Teknikal Terhadap Niat Menggunakan E-Pembelajaran

Model	R ²	Pekali Piawai β	t	Sig
Tetap			1.512	.140
Keupayaan Menggunakan Teknologi	.375	.349	2.222	.033
Sokongan organisasi dan teknikal	.375	.357	2.271	.030

a. Pemboleh ubah Bersandar: Niat Menggunakan E-pembelajaran

Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan bahawa model kajian adalah signifikan di mana model keupayaan menggunakan teknologi dan sokongan organisasi dan teknikal boleh meramal niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar Sabah. Aras keupayaan menggunakan teknologi mempunyai nilai beta .34. Ini bermakna apabila keupayaan menggunakan teknologi ditingkatkan, maka niat menggunakan e pembelajaran akan meningkat sebanyak 34 peratus. Seterusnya, sokongan organisasi dan teknikal pula mempunyai nilai beta .35 maka niat menggunakan e-pembelajaran meningkat sebanyak 35 peratus. Sumbangan model kajian adalah ($R^2 = .375$, $K = .000$) dengan aras signifikan .000 membawa maksud 37% daripada niat menggunakan e-pembelajaran adalah dipengaruhi oleh keupayaan menggunakan teknologi dan sokongan organisasi dan teknikal.

Hasil Perbincangan

Objektif (1) dalam kajian ini adalah mengkaji pengaruh sokongan organisasi dan hubungannya dengan niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar Sabah. Menurut Ooi dan Aziah (2015), sokongan organisasi sekolah seperti penghargaan daripada pihak sekolah dapat menyumbang kepada tugas dan komitmen kerja guru. Jika organisasi menyediakan kemudahan teknologi atau memberikan arahan yang jelas mengenai pelaksanaan e-pembelajaran, guru cenderung untuk menggunakan e-pembelajaran dalam PdP harian mereka. Melihat hasil dapatan dalam Jadual 3, purata nilai min bagi sokongan organisasi dan teknikal berada pada tahap sederhana dengan (nilai min = 3.22). Hal ini membuktikan sokongan organisasi sekolah masih prihatin terhadap kebajikan guru dalam menggunakan e-pembelajaran sebagai platform untuk PdP harian. Organisasi sekolah masih menunjukkan sokongan mereka terhadap guru seperti mengambil kira pandangan guru mengenai e-pembelajaran dan menyediakan manual pengendalian kelas menerusi e-pembelajaran. Sikap organisasi sebegini adalah sama seperti dapatan kajian Naujokaitiene *et.al* (2015) dimana organisasi sentiasa memberi peluang kepada pekerjanya untuk mengemukakan idea mereka sendiri dalam sesuatu tugas.

Berdasarkan data deskriptif, sokongan organisasi dan teknikal yang diperolehi 37 orang responden, didapati nilai min tertinggi ialah 3.76 terletak pada item "*Organisasi mengambil kira nilai dan matlamat saya dalam semasa Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah (PdPR)*". Guru sekolah rendah berpendapat bahawa organisasi yang mengambil berat akan kualiti dan kemampuan mereka, maka mereka akan lebih bersemangat untuk menggunakan e-pembelajaran dalam PdP. Item yang memiliki nilai min kedua tertinggi iaitu sebanyak 3.70 terletak pada item "*Organisasi memberi saya peluang dan ruang untuk beradaptasi dengan pembelajaran dalam talian*". Seterusnya item yang memiliki nilai min terendah iaitu 2.35 terletak pada item "*Organisasi memaksa saya untuk mengajar dalam talian*". Ini bermakna organisasi sekolah rendah di luar bandar sentiasa memberi kebebasan kepada guru untuk menjalankan e-pembelajaran mengikut kerelaan mereka sendiri.

Secara keseluruhannya, hasil kajian pada Jadual 5 menunjukkan sokongan organisasi dan teknikal didapati boleh mempengaruhi niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru di sekolah di luar bandar Sabah. Daripada Jadual 5, sokongan organisasi dan teknikal mempunyai nilai pekali piawaian ($\beta = .357$) dan signifikan ($K=.030$). Ini bermakna wujud hubungan yang signifikan antara sokongan organisasi dan niat menggunakan e-pembelajaran. Oleh itu, hipotesis H_{01} diterima iaitu sokongan organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar.

Seterusnya, objektif (2) dalam kajian ini adalah mengkaji tahap keupayaan menggunakan teknologi dan hubungannya dengan niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar Sabah. Menurut Saveri (2003), keupayaan menggunakan teknologi merujuk kebolehan seseorang dalam mengendalikan teknologi dalam kehidupan seharian. Maka pedagogi digital yang meliputi kemahiran dan pengetahuan untuk mengendalikan sebarang teknologi dalam PdP menjadi salah satu kunci utama dalam penerapan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah. Jadual 3 menunjukkan purata min bagi keupayaan menggunakan teknologi berada pada tahap yang sederhana dengan (nilai min = 3.45). Hal ini membuktikan pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengendalikan teknologi adalah sederhana.

Dengan berpandukan data deskriptif bagi keupayaan menggunakan teknologi daripada 37 orang responden, item yang memiliki nilai min tertinggi adalah item “*Saya dapat menggunakan teknologi digital untuk berinteraksi dengan rakan sekerja atau pelajar*” iaitu bersamaan dengan 4.03. Majoriti guru sekolah rendah menyatakan mereka boleh menggunakan teknologi seperti *Whatsapp* dan *Telegram* untuk tujuan berbual atau bersembang dengan rakan sekerja dan murid. Seterusnya, item yang mempunyai nilai min kedua tertinggi iaitu 3.68 ialah “*Kemahiran digital saya membantu saya membolehkan saya menggunakan teknologi yang sesuai untuk pengajaran jarak jauh*”. Bagi item yang mempunyai nilai min terendah iaitu 3.11 ialah item “*Saya dapat membantu pelajar saya menggunakan persekitaran pembelajaran dalam talian dengan berkesan*”. Terdapat dua item yang memiliki nilai min kedua item “*Saya secara konstruktif dapat menangani cabaran pengajaran jarak jauh menggunakan alat dalam talian*” dan “*Saya dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (mis. Zoom, Skype, Google Meet, WebEx, Facebook, dll.), yang membolehkan saya berkomunikasi dan berinteraksi dari jauh*”. Kedua-dua item tersebut masing-masing mempunyai nilai min sebanyak 3.24.

Seterusnya berdasarkan Jadual 5, pengkaji mendapati tahap keupayaan menggunakan teknologi mampu meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penggunaan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di luar bandar. Jadual 5 menunjukkan keupayaan menggunakan teknologi mempunyai nilai pekali piawaian ($\beta = .349$) dan signifikan ($K=.033$). Lantaran itu, wujud hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan teknologi dan niat menggunakan e-pembelajaran. Maka, hipotesis H_{02} diterima iaitu keupayaan menggunakan teknologi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah.

Kedua-dua sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi mempunyai hubungan dengan niat guru untuk menggunakan e-pembelajaran. Perkara ini boleh dilihat menerusi data deskriptif mengenai niat guru. Bagi item niat menggunakan PdP dalam talian, item yang menunjukkan min tertinggi adalah “*Saya suka mencuba sesuatu yang baru dalam perkembangan teknologi berkaitan pembelajaran dalam talian*” dan “*Saya mencari maklumat berkaitan teknologi untuk membantu proses pengajaran saya secara dalam talian*” dengan purata min 3.89, di mana responden mempunyai persepsi bahawa mereka gemar mencuba teknologi baru sebagai alternatif tambahan terhadap kaedah PdP dalam talian. Min sederhana adalah item “*Pada masa akan datang, saya akan meningkatkan kekerapan penggunaan alat pengajaran dalam talian*” di mana min yang dicatatkan adalah 3.59. Manakala item dengan min terendah adalah “*Saya menolak kehadiran teknologi dalam tugas harian saya*” dengan min sebanyak 1.70, yang mana keseluruhan responden mempunyai persepsi bahawa mereka tidak menolak kehadiran teknologi tetapi mereka akan menerima teknologi dan mengaplikasikannya dalam tugas dan kerja seharian mereka.

Secara keseluruhannya, objektif (1) dan objektif (2) kajian rintis ini telah tercapai. Setiap maklum balas daripada guru sekolah rendah luar bandar telah memberi persepsi bahawa setiap niat menggunakan PdP dalam talian oleh pihak guru membantu dan mendorong mereka untuk menggunakan PdP dalam talian dengan lebih menyeluruh dan secara kerap dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi dalam kalangan guru perlu dipertingkatkan lagi untuk mencapai penggunaan e-pembelajaran ke tahap yang optimum. Seiring kajian Nurul dan Azlin (2017) yang menunjukkan guru besar iaitu bahagian tertinggi dalam organisasi sekolah rendah memainkan peranan yang tinggi sebagai pemimpin dan pembimbing guru untuk meningkatkan prestasi sekolah. Bagi Joshua dan Fitri (2020), kemajuan teknologi semasa mempunyai potensi untuk

mewujudkan persekitaran PdP yang lebih kondusif dan berkesan terhadap perkembangan diri murid. Justeru, kedua-dua faktor tersebut perlu diperkasa dalam memastikan sistem pendidikan negara selaras dengan usaha merealisasikan hasrat FBK.

Kesimpulan

Kajian rintis yang dihasilkan ini merumuskan bahawa sokongan organisasi dan keupayaan guru untuk menggunakan teknologi adalah pada tahap sederhana. Warga pendidik yang berkhidmat di sekolah rendah luar bandar Sabah ternyata masih memerlukan banyak sokongan daripada organisasi sekolah untuk memastikan kompetensi mereka seiring dengan peredaran teknologi semasa. Dalam aspek kualiti guru pula, keupayaan menggunakan teknologi adalah satu perkara yang perlu dan wajib ada dalam setiap guru di sekolah rendah luar bandar agar mereka dapat memastikan anak didik mereka tidak ketinggalan untuk merasai impak e-pembelajaran dalam pendidikan dunia pasca moden. Dalam pada itu, dapatan dalam kajian ini menunjukkan masih ada kelemahan dalam organisasi sekolah rendah dan juga tahap kemahiran teknologi guru masih perlu dipertingkatkan khususnya dalam mengintegrasikan *e-pembelajaran*. Maka diharapkan pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan pengurusan sekolah perlu berganding bahu dalam mendepani cabaran perubahan kaedah sistem pendidikan lebih-lebih lagi ketika pandemik Covid-19 ini. Sokongan, galakkan dan latihan yang berterusan adalah sangat diperlukan agar setiap individu dapat menerima perubahan teknologi dengan hati terbuka. Akhir sekali, dicadangkan untuk pengkaji masa akan datang agar fokus dengan satu sekolah sahaja seperti sekolah rendah di luar bandar kerana sekolah rendah kurang terdedah dengan penggunaan e-pembelajaran. Pemilihan sampel responden juga boleh divariasikan dari kalangan pegawai tadbir, ibu bapa dan pelajar. Maka tahap sokongan organisasi sekolah dan keupayaan menggunakan teknologi dapat dikaji dengan lebih mendalam.

Rujukan

- Angelia N, B. & Khairul J. (2022). Cabaran Mengaplikasi Kaedah E-pembelajaran di Sekolah Luar Bandar Semasa Pandemik COVID-19: Dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X / Vol. 4, No. 3, 1-15, 2022.* <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>.
- Berawi, F. M. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Sintok: UUM Press.
- Bosamia, M. (2013). Positive and Negative Impacts of Information and Communication Technology in our Everyday Life. *International Conference On "Disciplinary and Interdisciplinary Approaches to Knowledge Creation in Higher Education : Canada & India (Genesis 2013)"*. December 2013. Swami Sahajanand Group of Colleges, Bhavnagar.
- Caprani, N., Doyle, J., O'Grady, M. J., Gurrin, C., O'Connor, N. E., Caufield, B. & O'Hare, G. M. P. 2012. *Technology Use in Everyday Life: Implications for Designing for Older Users*. Centre for Sensor Web Technologies. Dundalk: Dundalk Institute of Technology.
- Chitra, A. P. & Raj, M. A. (2018). E – Learning. *Journal of Applied and Advanced Research*, 3(1), 11 – 13.
- Christina, A. & Hazman, A. (2010). *Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan*. Fakulti Pendidikan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Cidral, W. A., Olivera, T., Di Felice, M., & Aparicio, M. (2018). E-learning Success Determinants: Brazilian Empirical Study. *Computers & Education*, (122), 273-290.
- Eisenberger, R., Huntington, R., Hutchison, S. & Sowa, D. (1986). Perceived Organizational Support. *Journal of Applied Psychology* 1986, 71(3), 500 – 507.

- Gunduz, Y. (2014). The Effect of Organizational Support on Organizational Commitment. *Anthropologist*, 18(3), 1041 – 1057.
- Hazura, M., Hairulliza, M. J., Siti F. M. N., & Zawiyah M. Y. (2012). Jurang Digital dan Pendidikan di Luar Bandar: Tahap Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 1(2).
- Io, O. P., Iulia, L., Georgeta, P., Ruxandra, C. & Anca, S. U. (2020). *Motivation and Continuance Intention towards Online Instruction among Teachers during the COVID-19 Pandemic: The Mediating Effect of Burnout and Technostress*. *Int. J. Environ. Res. Public Health*, 17, 8002.
- Joshua, C. A. & Fitri, S. M. (2020). Ke Arah Keberkesanan Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains: Peranan Guru Sebagai Penguasa Pengetahuan. *Konvensyen Transformasi Sekolah 2025 Kementerian Pendidikan Malaysia*. Mac.
- Junyong In. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean Journal of Anesthesiology*. VOL. 70, NO. 6, Department of Anesthesiology and Pain Medicine, Dongguk University Ilsan Hospital, Goyang, Korea.
- King, W. R. & He, J. (2006). A Meta-Analysis of the Technology Acceptance Model. *Information & Management*, 43 (2005), 740 – 755.
- Kirin, A., Ahmad S., Mohd, H. A. R., Shakila, A., Sharifah, K., & Abdullah, S. (2021). Impak Pengajaran dan Pembelajaran Secara Online: Kajian Kes Terhadap Pelajar Sekolah Rendah, Menengah dan Universiti Semasa Pandemik COVID-19. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(1), 127–136.
- Komathy, B., Jamal, N.Y. & Marinah, A. (2020). Penggabungan Faktor-Faktor dan Hubungannya dengan Pengaplikasian Whatsapp Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Zon Chini, *Pekan. Management Research Journal*, 9(2), 46 – 58.
- Kumar, R., Norasmah, O. & Haryanti, M. A. (2019). Jurang Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di antara Sekolah Bandar dengan Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 109-119.
- Losius, G. (2020). *Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*. Ranau : Pejabat Pendidikan Daerah Ranau.
- Ma, Q. & Liu, L. (2004). The Technology Acceptance Model: A Meta Analysis of Empirical Findings. *Journal of Organizational and End User Computing*, 16(1), 59 – 72.
- Mei, L. C., Su, L. W., Ahmad, F. A. & Rosnaini, M. (2017). Teachers' Perceptions of E-Learning in Malaysian Secondary Schools. *Malaysian Online Journal of Educational Technology* 2017, 5(2), 20 – 33. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1142390.pdf>.
- Moghli, A. A. (2015). The Role of Organizational Support in Improving Employees Performance. *International Business Research*, 8(2), 198 – 203.
- Mohamad, I. A., Wan, S. W. S. & Mohd, H. A. A. (2014). Sokongan Organisasi: Pengaruhnya Terhadap Motivasi, Pencapaian dan Kepuasan Hidup Pekerja. *Seminar Psikologi Malaysia*. December, 2014. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar .(1999). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shobi Ishak. (2014). Pemodelan Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam Di Internet: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (TAM). *Journal of Techno Social*, 6(2), 49 – 61.
- Mohd, N. A. A., Siti, N. H., Mohd, K. B. & Norfadilah, K. (2020). The Evolution Of The Technology Acceptance Model (TAM). *The Interdisciplinary of Management, Economic and Social Research*, 242 – 247.
- Muhamad, S. S. A. (2006). ICT: Peranan dan Potensi dalam Pembangunan Pelajar. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan Pelajar 2006 (NASDEC 2006) Universiti*

- Teknologi Malaysia (UTM)*. Ogos 8 – 9, 2006. Hotel Grand Season, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muzafar, M. Y. & Hasmadi, H. (2019). Kaedah E-Pembelajaran Semasa Menjalani Latihan Industri Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Di Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1), 49 – 59.
- Naujokaitiene, J., Tereseviciene, M. & Zydziunaite, V. (2015). Organizational Support for Employee Engagement in Technology-Enhanced Learning. *SAGE Open October – December*, 1-9.
- Nijhawan Gitu, Kavita Singh, Harminder Kaur & Shalini Sharma (2022). Optimizing Perceived Organisational Support To Improve Job Performance Of IT Employees. *Journal of Information & Optimization Sciences* 43 (6), 1419-1429.
- Noor, A. N. (2019). Revolusi Industri 4.0: Impak Terhadap Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Journal of Sciences and Management Research*, 5 (4).
- Noradilah, A. & Lai, W. S. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1), 69 – 75.
- Noraini, M. N., Hani, M. A. M., Mahizer, H., Mohd, A. I. & Norazilawati, A. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran: Cabaran Guru Dalam E- Pembelajaran. *Proceedings of The 7th International Malaysian Education Technology Convention (IMETC 2013)*. September 16 – 18, 2013. Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.
- Norazlin, M. R. & Siti, R. A. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. November 23-24, 2019. UnisZA.
- Norehan M. N. & Mahaliza M. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, (page 416 - 421)
- Nurul, H. A. R. & Azlin, N. M. (2017). Tahap Amalan Guru Besar serta Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3), 65 – 74.
- Ooi, C. H. & Aziah, I. (2015). Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42 – 57.
- Park, Y., Lim, D. H., Kim, W. & Kang, H. (2020). Organizational Support and Adaptive Performance: The Revolving Structural Relationships between Job Crafting, Work Engagement, and Adaptive Performance. *Sustainability* 2020, 12, 1 – 14.
- Ravell, R. A. N. (2015). *Analisis Faktor yang Mempengaruhi Niat Guru dalam Menggunakan E- Learning di Pendidikan Tingkat Menengah Dengan Menggunakan Technology Acceptance Mode*. Faculty of Information Technology. Surabaya: Institut Teknologi Sepuluh Nopember.
- Rohani Ghani. (2021). *Pandemik COVID-19 Dan Norma Baru Dalam Pendidikan Malaysia*. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP). Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Rozaini, R., Norailis, A. W. & Aida, B. (2015). Roles of Organizational Support in Quality of Work Life in Insurance Industry. *Journal of Economics, Business and Management*, 3(8), 753 – 757.
- Saveri, A. (2003). *Technology and Daily Life: A Spotlight on Entertainment*. California; Institute for the Future.
- Sazanah, M. A. & Ahmad, Z. M. A. 2019. Pengaruh Tanggapan Mudah Guna Dalam Penerimaan Terhadap Laman Perkongsian Video Pendidikan Berfokus. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 8(1), 1 – 15.

- Sern, L. C., Kamarudin, N., Lip, R., & Hasnan, N. (2017). Tahap Penggunaan Pembelajaran Maya Dalam Kalangan Guru Reke Bentuk Teknologi: Satu Tinjauan Di Sekolah Rendah Luar Bandar. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4784/2862>.
- Sekaran Uma & Bougie Roger. (2016). *Research Methods For Business A Skill Building Approach*. (7th Edition), United Kingdom: Wiley.
- Siti, M. S. A. R. (2016). Keupayaan Ict Dalam Meningkatkan Pencapaian Usahawan Wanita: Satu Kajian Kes Usahawan Luar Bandar di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 078 – 103.
- Thangaiyah, E. A., Ruzzakiah, J. & Jamaiah, J. (2020). Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET - Satu Kajian Awal. *Akademika*, 3(Isu Khas), 5 – 18.
- Umami, M. S. M. Z., Fatini, M. Y., Nadzirah, M. F., Panji, H. M. & Wan, S. W. H. (2021). Sokongan Organisasi dan Pengekalan Pekerja: Tekanan Kerja Sebagai Penyederhana. *Journal of Management & Muamalah*, 11(1), 28 – 43.
- Venessa, P. I. & Nurfaradilla, M. N. (2020). Tahap Kediaan Dan Sokongan Bagi Pelaksanaan Pendekatan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 2(4), 489 – 508.
- Wong, A. B. & Khairul, A. J. (2021). Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 408 – 414.
- Yang, Yanhua. (2023). Impact of Organizational Support on Students' Information and Communication Technology Self-Efficacy, Engagement, and Satisfaction in a Blended Learning Environment: An Empirical Study. *Public Education & Democracy*.1-15.
- Ying, Y. Y. (2016). *Kesan Kesejahteraan, Sokongan Organisasi dan Kepimpinan Pengagihan Instruksional Terhadap Sikap Optimistik Akademik Guru dan Kesedaran Organisasi Sekolah*. Gelugor: Universiti Sains Malaysia.
- Yusup Hashim. (2012). Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (Kkpg) 2012*. Oktober 15-17, 2012. Kuantan, Pahang.
- Zahiah, K. & Abdul, R. A. (2010). E-Pembelajaran: Evolusi Internet Dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*. 209 – 218.